

PMkejutkananak-kanakbangunsahur

KEPALA BATAS: Seramai 160 kanak-kanak di asrama kebajikan Tunas Bakti di sini, menerima kejutan besar ketika sedang tidur nyenyak tengah malam kelmarin apabila dikejutkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk bersahur.

Mereka bukan saja terkejut melihat Perdana Menteri memasuki bilik asrama untuk mengajak mereka bersahur, malah turut menerima hadiah duit raya yang disampaikan sendiri oleh Abdullah.

Abdullah yang diiringi Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu

Koon; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Sharizat Abdul Jalil dan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, tiba di asrama itu kira-kira jam 11.30 malam kelmarin, selepas menghadiri majlis berbuka puasa dan sambutan Nuzul al-Quran di Masjid al-Jamiul Badawi di sini.

Ketika rombongan kenamaan itu tiba, kanak-kanak terbabit berusia enam hingga 18 tahun tertidur kerana keletihan membuat persiapan menanti ketibaan Perdana Menteri bagi program Rahmat Ramadan dan Sahur Perdana anjuran Kementerian

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebelum itu.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan cek RM786,728,88 hasil kutipan jamuan makan malam Titi Kasih kepada Pengerusi Lembaga Pelawat Rumah berkenaan, Azman Ahmad.

Wang itu akan digunakan pihak pengurusannya membina bangunan tambahan bagi menampung keperluan masa depan.

Rumah itu kini mempunyai empat blok asrama, dewan makan, pejabat pentadbiran, taska dan wad ka-

nak-kanak membabitkan 40 tenaga kerja.

Sementara itu, Pengarah JK M negeri, Mahfuz Omardi, berkata kanak-kanak terbabit keletihan selepas seharian berpuasa selain membantu menayakan majlis berkenaan.

"Selepas berbuka puasa dan bersembahyang jemaah Maghrib, Isyak dan Tarawih, mereka bersiap menanti kedatangan Perdana Menteri tetapi mungkin kerana keletihan, mereka tertidur.

"Bukan dibuat-buat, tidak sangka pula, Perdana Menteri mengejutkan mereka untuk sama bersahur," katanya.